

Kepemimpinan Abdullah dapat sokongan padu rakyat

SETIAP orang yang menjadi Perdana Menteri akan melakukan yang terbaik mengikut keadaan ketika itu. Ketika Tun Dr Mahathir Mohamad mengetuai kerajaan, beliau melakukan yang terbaik untuk negara, begitu juga ketika Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang genap tiga tahun menjadi pemimpin nombor satu menjelang Oktober ini, sedang dan akan membuat yang terbaik untuk rakyat dan negara. Setiap pemimpin mempunyai gaya kepemimpinan tersendiri. Cara Dr Mahathir mentadbir negara berbeza dengan Abdullah. Yang sama cuma satu – menjadikan Malaysia sebuah negara aman dan makmur, manakala rakyat dapat hidup selesa dan harmoni.

Sejak Abdullah menduduki kerusi Perdana Menteri pada 31 Oktober 2003, kepemimpinannya mula diterima rakyat. Pada pilihan raya umum lalu, tidak sampai lima bulan beliau mengetuai kerajaan, Barisan Nasional menang besar iaitu 198 daripada 219 kerusi Parlimen, membuktikan rakyat memberi mandat padu kepada Abdullah. Kini rakyat sudah menerima dan tidak mempertikaikan kepemimpinan Abdullah. Jadi pemilihan beliau sebagai pemimpin nombor satu negara bukan sesuatu yang silap.

Justeru, Dr Mahathir tidak wajar mengungkit kembali bahawa Abdullah bukan pilihan pertama menggantikannya kerana berada pada kedudukan kedua dalam barisan Naib Presiden Umno. Beliau harus sedar ketika dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri di bawah Tun Hussein Onn, beliau tidak mendapat undi tertinggi sebagai Naib Presiden Umno, tetapi Tun Hussein melantiknya sebagai pemimpin nombor dua dan seterusnya menjadi Perdana Menteri.

Apa pun, kenyataan berbaur konfrontasi daripada Dr Mahathir terhadap Abdullah wajar dihentikan segera kerana ia tidak menguntungkan sesiapa, malah menampakkan unsur tidak sihat yang boleh menggugat kestabilan negara dan menjejaskan keadaan politik dan ekonomi semasa. Gambaran hubungan tidak akrab antara kedua-dua tokoh itu tidak akan membantu meningkatkan martabat negara, sebaliknya akan mengalihkan perhatian rakyat daripada memikir dan melaksanakan perkara lebih penting dan bermanfaat. Jika keadaan itu dibiarkan berlarutan, ia mungkin menjadi senjata yang boleh digunakan musuh di dalam dan luar negara.

Dr Mahathir harus menunjukkan keikhlasan dan kepercayaannya ketika melepaskan jawatan Perdana Menteri kepada Abdullah serta menepati janji untuk tidak mencampuri urusan pentadbiran negara ketika rakyat masih menghormatinya. Sebagai negarawan unggul, Dr Mahathir tidak wajar menyesal dengan keputusan yang dibuat (memilih Abdullah sebagai pengganti) kerana ia tidak mencerminkan nilai budi mukmin. Sebarang keputusan dan tindakan Abdullah dalam kapasitinya sebagai Perdana Menteri dibuat secara kolektif mengikut suasana dan keperluan semasa.

Apa yang lebih penting, era kepemimpinan Abdullah sekarang perlu mendapat sokongan padu daripada segenap lapisan masyarakat sama ada pemimpin politik, badan bukan kerajaan dan rakyat untuk memastikan agenda lebih besar yang dirancang dapat dilaksanakan dengan tersusun dan mengikut jadual. Walaupun ada rancangan dan keputusan kerajaan tidak dipersetujui, termasuk oleh Dr Mahathir sendiri, orang lain mempunyai pandangan berbeza dengan bekas perdana menteri itu.